

14/08/2002

Hadiah pupuk perpaduan (HL)

Kadir Dikoh; Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan akan memberi hadiah sebagai galakan kepada kelab di semua universiti yang mencipta kaedah merapatkan hubungan dan menarik penyertaan pelajar dari semua kaum.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kelab antara kaum itu boleh bergiat dalam bidang sosial, sukan, lawatan sambil belajar di dalam atau di luar negara dan rekreasi.

Malah, Perdana Menteri berkata, kelab pelajar itu juga boleh menganjurkan kursus berkaitan adat resam, pantang larang dan sensitiviti kaum masing-masing.

Beliau berkata, pelajar universiti sekarang bukan saja mengasingkan diri mengikut kaum dan tidak berkongsi bilik asrama, malah mereka duduk berasingan sama ada di dewan kuliah, padang permainan atau dalam kegiatan kokurikulum.

"Keadaan ini tidak sihat dan berbahaya bagi masa depan negara. Hakikatnya ialah apabila mereka keluar universiti untuk bekerja, mereka akan bertemu dengan masyarakat pelbagai kaum yang berbeza dari masyarakat dalam universiti.

"Justeru, usaha secara proaktif perlu dibuat untuk merapatkan hubungan antara penuntut pelbagai kaum di universiti. Sepatutnya, setiap universiti mengadakan kelab antara kaum.

"Kepemimpinan dan penyertaan kelab-kelab ini mestilah daripada semua kaum. Peserta mestilah berusaha secara sedar untuk mengelak daripada bersengketa dan bertelagah antara mereka, terutama yang berasas kepada kelainan kaum," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar), milik MCA di tapak kampus induknya di Setapak dekat sini, hari ini.

Kampus baru universiti itu sedang dalam pembinaan bersebelahan Kolej Tunku Abdul Rahman dan dijangka siap pertengahan tahun depan.

Kompleks berharga antara RM500 juta hingga RM1 bilion itu akan mempunyai antara lain bangunan pentadbiran setinggi tujuh tingkat, empat dewan kuliah, 16 bilik kuliah, bangunan perpustakaan dan pusat sumber setinggi tiga tingkat serta makmal teknologi maklumat (IT)

Dr Mahathir berkata, perpisahan kaum yang kini boleh dilihat pada peringkat sekolah rendah dan menengah, jika diteruskan ke peringkat universiti, maka masyarakat dewasa Malaysia akan memperlihatkan perkauman yang semakin ketara.

Sambil menegaskan keadaan itu tidak boleh dibiarkan, Perdana Menteri berkata kerajaan sendiri sudah berusaha sedaya upaya termasuk meminta pelajar universiti supaya bercampur gaul dan tinggal di bilik bersama, bermain bersama.

"Tapi kita dapati di universiti tidak ada usaha secara positif ke arah ini. Apa yang saya kata di sini tidak terhad kepada Utar saja, ia untuk semua universiti," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, beliau berkata hubungan kaum di negara ini, yang sepatutnya semakin lama semakin rapat, sekarang semakin merosot.

Katanya, walaupun kerajaan cuba merapatkannya menerusi sistem pendidikan, ia digagalkan oleh orang tertentu yang menyelewengkan dasar dan kesannya, jarak antara kaum lebih jauh daripada dulu.

"Malah, ada orang yang kerja dalam universiti, yang bukan saja tidak

pupuk persahabatan antara kaum malah membuat perkara yang menyebabkan pengasingan kaum semakin ketara.

"Kita boleh nasihat dan sebab itu saya cadang supaya diadakan kelab antara kaum di semua universiti dan kita sanggup bagi hadiah kepada kelab yang berjaya," katanya.

Dr Mahathir kesal kerana pihak pengurusan universiti sendiri tidak begitu berusaha, bahkan ada kakitangan yang sengaja membuat tindakan untuk mengasingkan kaum.

"Umpamanya mereka menggunakan alasan untuk mempelajari agama atau membuat ibadat tertentu supaya dapat diasingkan. Bahkan pakaian pun sengaja dibeza-bezakan, menggunakan pakaian supaya tidak ada perjumpaan dan melarang jenis sukan tertentu, ini tak boleh, itu tak boleh," katanya.

Beliau juga berkata, memandangkan akan perbezaan pendapatan antara kaum di negara ini, besar kemungkinan universiti swasta akan dipenuhi dengan satu kaum dan universiti kerajaan dengan kaum lain, menyebabkan integrasi kaum sukar dicapai.

Oleh itu, katanya, walaupun Utar sebuah universiti swasta iaitu institusi pendidikan yang biasanya tidak mempunyai banyak pelajar Bumiputera, usaha mesti dibuat untuk menarik sebanyak mungkin golongan itu.

Dalam masa yang sama, beliau tidak mahu melihat universiti di Malaysia semata-mata menjadi "kilang sijil" yang hanya menjadi saluran ilmu yang datang dari luar saja.

"Universiti perlu menyumbang ke arah mengurangkan cengkaman ahli pemikir Barat di pelbagai bidang termasuk sains politik, sebaliknya mencetuskan pemikiran tulen berpunca daripada orang tempatan sendiri.

"Masanya sudah tiba untuk kita menyoal pemikiran Barat yang sekarang begitu menguasai dunia sehingga sesiapa menyoalnya akan dianggap terkeluar daripada aliran arus perdana," katanya.

Perdana Menteri turut melahirkan harapan supaya universiti tempatan berusaha mencapai tahap keilmuan dan kaji selidik yang tinggi supaya dihormati sebagai pusat kecemerlangan seperti universiti Oxford di Britain, Harvard di Amerika Syarikat dan Waseda di Jepun.

"Di Malaysia kita belum ada universiti terkemuka yang terkenal di seluruh dunia. Oleh itu, saya harap universiti di negara ini akan berusaha untuk mencapai tahap keilmuan dan kaji selidik yang tinggi. Mereka harus merancang untuk mencapai tahap itu," katanya.